

12 JUN 2001

RAFIDAH TAK MAHU DISPEKULASI JADI MENTERI KEWANGAN

KUALA LUMPUR, 12 Jun (Bernama) -- Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz berkata beliau tidak mahu media membuat spekulasi mengaitkannya dengan jawatan Menteri Kewangan.

Katanya siapa yang akan dilantik terletak kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Sebenarnya tak usah buat apa-apa ramalan kerana kerajaan kita sekarang berjalan dengan baik," kata Rafidah yang turut disebut-sebut sebagai seorang daripada mereka yang kemungkinan dilantik ke jawatan itu ekoran peletakan jawatan Tun Daim Zainuddin awal bulan ini.

Bila ditanya lagi, Rafidah berkata setakat ini tidak ada tawaran dibuat kepada beliau.

"Jangan sebut tawaran. Bidang kuasa Perdana Menteri tak payahlah kita sentuh. Jangan bercakap mengenainya kerana saya tak tahu apa-apa kerana saya baru balik dari luar negeri," katanya.

-- BERNAMA

SM ZS MAI